

PFC Penggunaan Terminologi HIV Bahasa Melayu

People First Charter: Galakan penggunaan terminology HIV dalam kajian dan penerbitan mengenai HIV

Jangan guna	Alternatif
Pesakit AIDS	Pesakit dengan komplikasi lanjutan HIV, pesakit dengan penyakit berkaitan AIDS
Ujian AIDS	Ujian HIV
Virus AIDS	HIV
Terkena HIV	Jangkitan HIV
Kompliant	Mengambil ubatan seperti yang ditentukan, mematuhi pengambilan ubat
Merebak	Pesakit yang boleh menjangkiti, pesakit yang beban virus boleh dikesan
Kotor atau bersih dalam konteks orang yang mengambil dadah dan menggunakan jarum	Berkongsi jarum, peralatan suntikan dadah
Pesakit HIV yang menjangkiti	Orang yang hidup dengan HIV, Pesakit positif HIV atau populasi positif HIV
Pelacur, Pelacuran	Pekerja seks, Transaksional seks
Pertimbangkan	Alternatif
Kata singkatan	Elakkan menggunakan kata singkatan. Gunakan secara penuh seperti orang yang menyuntik dadah dan wanita yang hidup dengan HIV
Orang yang dijangkiti bersama	Gunakan ayat seperti "Orang yang hidup dengan HIV dan HBV". Elakkan guna ayat seperti "Orang yang dijangkiti HIV dan HBV".
Virus dikesan atau pesakit viremia	Pesakit dengan beban virus yang dapat dikesan
Akhiri HIV, akhiri AIDS	Akhiri HIV transmisi, akhiri kematian yang berhubung kait dengan HIV, akhiri orang yang datang untuk mendapatkan rawatan pada peringkat akhir HIV.
Bayi yang berisiko dapat HIV	Bayi yang terdedah dengan HIV, bayi yang negatif-HIV dan terdedah dengan HIV
Intravenous drug user, drug addict	Orang yang menggunakan dadah, orang yang menyuntik dadah
Merebak	Transmisi
HIV death	Kematian berkaitan HIV
Transmisi dari ibu kepada anak	Transmisi secara menegak
Pesakit yang gagal rawatan	Pesakit yang mengalami kegagalan dalam rawatan
Kumpulan berisiko	Cara transmisi HIV

Tidak patuh	Pesakit yang tidak mematuhi pengambilan ubat
Pesakit rintang	Pesakit yang mengalami rintangan virus
Serodiscordant	Pesakit yang mempunyai pasangan yang berlainan status HIV
Subjek ujian	Peserta ujian, sukarelawan
Seks bebas	Seks tanpa kondom
Sifar jangkitan	Sifar kes baru jangkitan HIV

Orang yang hidup dengan HIV bukan hos HIV, vektor jangkitan atau subjek ujian – mereka mempunyai kesedaran dan maruah. Orang yang hidup dengan HIV telah menjadi tunjang utama dalam advokasi untuk rawatan perubatan yang baik, perkembangan rawatan dan berkolaborasi dalam kemajuan rawatan. Bahasa yang sesuai mestilah dititiberatkan dalam kajian dan penerbitan.

Kami mengiktiraf bahawa bahasa bukan universal, dan itulah yang menjadi cabaran dalam menterjemah perkataan, terutama berkaitan perkataan perubatan. Walau bagaimanapun, kami percaya wujud sesetengah terma yang tidak patut digunakan dan perlu dibuang terus.

Wujud sesetengah terminologi yang mungkin dan tidak mungkin diterima berdasarkan konteks penggunaan seperti jangkitan, terjangkiti dan kegagalan yang tidak patut digunakan kepada individu, atau populasi, namun boleh diterima dalam konteks yang lain seperti:

- Jangkitan HIV dan jangkitan HIV bersama HBV dalam konteks epidemiologi.
- Gejala awal HIV dan gejala akhir HIV dalam konteks peringkat HIV.
- Sel yang dijangkiti HIV dalam kajian In-Vivo.
- Kegagalan rawatan dalam konteks epidemiologi.

Juga, tidak digalakkan menggunakan singkatan, tetapi mungkin perlu dalam konteks pembacaan, rajah, graf dan abstrak.

Dokumen ini hanya untuk rujukan ringkasan untuk mereka yang ingin dan organisasi untuk menggunakan People First Charter.

Author: Akbar Jaya Sapie